



马来西亚·雪兰莪州 SELANGOR · MALAYSIA

首邦市力行国民型华文学校

(马来西亚教育部高表现学校)

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) LICK HUNG

SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT) / HIGH PERFORMANCE SCHOOL

JALAN SS 19/6, 47500 SUBANG JAYA

SELANGOR DARUL EHSAN



Tel : +603-5635 1333

Email : bbc8414@btptnseledu.my

"TO PERFORM. TO LEAD. TO BE THE BEST!"

Rujukan kami : SJKCLH 700-2 /1/3/(4 )

Tarikh : 22 Februari 2022

### Pendaftaran Kanak-Kanak (Warganegara Malaysia) Tahun Satu Persekolahan 2023 /2024

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah akan melaksanakan urusan permohonan pendaftaran untuk:
  - 2.1 Kanak-kanak yang lahir pada 2.1.2016 hingga 1.1.2017 untuk tahun persekolahan 2023.
  - 2.2 Kanak-kanak yang lahir pada 2.1.2017 hingga 1.1.2018 untuk tahun persekolahan 2024.
3. Ibu bapa/penjaga dikehendaki membuat permohonan pendaftaran tahun satu secara online melalui laman web Jabatan Pendidikan Selangor <http://public.moe.gov.my> sebelum membuat pengesahan permohonan ke pejabat sekolah.
4. Ibu bapa hendaklah membawa bersama dokumen berikut ke sekolah dalam **14 hari** selepas memohon di laman web :
  - a) Cetakan Borang Permohonan Pendaftaran Online (1 salinan )
  - b) Sijil Lahir kanak-kanak berkenaan (asal dan salinan).
  - c) Kad Pengenalan ibu dan bapa/penjaga (asal dan salinan).
  - d) Surat Nikah / Surat Cerai serta Surat Perintah Hak Jagaan Anak (asal dan salinan).
  - e) Bukti alamat tempat tinggal atas nama ibu bapa/penjaga (salinan asal dan fotostat bil elektrik / bil air / cukai pintu / perjanjian jual beli yang terkini)
  - f) sampul surat (lengkap dengan alamat penuh dan setem)
5. Jadual penghantaran borang permohonan pendaftaran ke sekolah adalah seperti berikut :-
 

Tarikh	1Mac 2022 – 20 Mac 2022	21 Mac 2022 – 30 April 2022
Tempat	Pejabat sekolah	
Masa	Isnin- Khamis : 8 :00am- 3 :00pm Jumaat : 8 :00- 12 :00 tgh hari	Isnin- Khamis : 2 :00am- 4 :00pm Jumaat : 2 :45pm- 4 :30 pm
Sabtu,Ahmad dan cuti umum dikecualikan		
6. Ibu bapa / penjaga **TIDAK PERLU** membuat permohonan baru di laman web jika telah membuat permohonan pada tahun lepas untuk kanak-kanak yang lahir pada 2.1.2016 hingga 1.1.2017 (Sesi Persekolahan 2023) **KECUALI** ingin kemaskini maklumat atau alamat terbaru. Ibu bapa / Penjaga dikehendaki menghantar cetakan Borang Permohonan yang telah dikemaskini ke sekolah.
7. Kanak-kanak yang lahir pada 2 Januari hingga 15 Januari 2017 layak memohon kemasukan awal ke tahun satu dengan mengemukakan permohonan secara manual ke Jabatan Pendidikan Negeri Selangor mulai 1 Jun 2022.
8. Pada bulan Ogos tahun 2022, ibubapa dikehendaki melayari laman web Jabatan Pendidikan Selangor <http://public.moe.gov.my> untuk menyemak keputusan permohonan. Sila cetak slip keputusan dan hantar ke sekolah yang ditempatkan.

Sekian, dimaklumkan.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NGANN SOOK WEI)

Guru Besar

SJK(C) Lick Hung (SBT)